



[Home](#) / [2023](#) / [November](#) / Hubungan Antarabangsa: Majlis Menandatangani MoU UiTM Cawangan Perak di Dhaka, Bangladesh

GRU2025

09/11/2023 /

Dr. Mohd Khairulnizam Ramlie, Prof. Madya. Dr Nur Hisham Ibrahim, Prof. Madya Dr. Muhammad Abdul Aziz Ab Gani, Prof. Madya Dr. Nur Hayati Baharom



DHAKA, 1 November 2023 – Pada 1 November 2023 hingga 6 November 2023, delegasi dari Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak telah membuat kunjungan ke Universiti Dhaka, Bangladesh. Objektif program kali ini adalah untuk menandatangani MOU dan perbincangan aktiviti kolaborasi dan menjalinkan hubungan bersama pelbagai negara. Majlis menandatangani MOU ini juga dihadiri oleh delegasi dari Institut Seni Budaya (ISBI) Bandung, Indonesia.

Majlis menandatangani MOU ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim (Rektor UiTM Perak, Malaysia), Dr. Supriatna (Timbalan Rektor ISBI Bandung, Indonesia), dan Prof. Dr. Md. Akhtaruzzaman (Naib Canselor Universiti Dhaka).

Hubungan Antarabangsa: Majlis Menandatangani MoU UiTM Cawangan Perak di Dhaka, Bangladesh – UiTM NewsHub
Majlis menandatangani MOU dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh wakil dari Malaysia dan Indonesia. Seterusnya, ucapan aluan dan perasmian yang disampaikan oleh Prof. Dr. Md. Akhtaruzzaman.



Dalam ucapannya, Naib Canselor Universiti Dhaka amat berharap dengan terjalinnya hubungan tiga negara ini pelbagai aktiviti bersama dapat dijalankan secara giat dan berimpak tinggi. Diantaranya adalah seperti aktiviti kolaborasi dalam kaedah pendidikan, khidmat masyarakat, aktiviti pelajar dan sebagainya. Pada sesi petang, aktiviti 'team teaching' telah dijalankan Bersama pelajar-pelajar dari Universiti Dhaka. Banyak ilmu serta pengalaman khususnya dalam bidang rekaan karakter dikongsi dalam program yang berlangsung selama 2 jam ini.

Dengan berlangsungnya menandatangani MOU antara UiTM Perak, Universiti Dhaka dan ISBI ini, diharapkan pelbagai aktiviti dan program dapat dijalankan pada masa akan datang dan mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia, Bangladesh, dan Indonesia secara umum. Selain itu, pelbagai aktiviti yang berimpak tinggi terutama kepada komuniti dapat dijalankan dengan lebih baik.

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: [Institut Seni Budaya \(ISB\) Bandung](#), [Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman \(MoU\)](#), [UiTM Cawangan Perak](#), [Universiti Dhaka](#), [Universiti Teknologi Malaysia \(UiTM\)](#)

[← Program MYSaveFood Ramadan UiTM Perlis](#)

[Program Penang Retreat: The Ethical Application and Supervisory Discussion & Clinical Supervision 2023](#) [>](#)

QUICK LINKS

Ministry of Higher Education
Academic Calendar

HUBUNGI
KAMI

Towards Becoming A
GLOBALLY
RENOWNED
UNIVERSITY

[Intake Calendar](#)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)



[Graduate Quick Search](#)

40450 Shah Alam, Selangor Darul

[Library](#)

Ehsan

[UiTM Holdings](#)

Malaysia

[WiFi UiTM](#)

Tel: +603-5544 2051 / 2000

[E-Complaint](#)

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress